

**EMBARGO: Tidak boleh disiar atau diterbitkan
sebelum 23 Mac 2021**



Kementerian Wilayah Persekutuan

**TEKS UCAPAN
YB TAN SRI TPR ANNUAR HJ MUSA
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT
WILAYAH PERSEKUTUAN 2021**

**PADA
23 MAC 2021 [SELASA]
BERSAMAAN 9 SYA'BAN 1442 HIJRAH**

**BERTEMPAT
DI BALAIRUNG SERI, ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR**

**Bismillahirrahmanirrahim
Alhamdulillahi Rabbil A'lamin
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera**

1. Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

**Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun.**

2. Terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzimnya, patik sekalian merafakkan sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku atas limpah perkenan bercemar duli berangkat bagi menyempurnakan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2021 yang berlangsung pada pagi yang mulia ini. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku ke Majlis ini amat besar maknanya buat patik dan seluruh rakyat Wilayah Persekutuan, serta melambangkan kecaknaan yang tidak ternilai dan keprihatinan seorang Raja yang berjiwa rakyat yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat jelata. Negara dan rakyat amat beruntung sekali dapat bernaung di bawah payung pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku yang sentiasa mengambil berat terhadap segenap lapisan rakyat dalam negara ini.

Ampun Tuanku,

3. Tahun 2020 telah menyaksikan negara ini berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19 sehingga hari ini. Titah nasihat serta keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap kesejahteraan rakyat dengan mengingatkan mereka dari semasa ke semasa untuk menjaga kesihatan, keharmonian dan keselamatan amat dihargai oleh warga Wilayah Persekutuan sekalian. Sesungguhnya rakyat keseluruhannya menyanjung tinggi dan mengasihi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku.
4. Sebagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku sedia maklum, perjuangan memerangi wabak virus COVID-19 masih belum berakhir. Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Memanda Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, sedang menggandakan usaha membendung wabak ini, di samping menumpukan kepada aspek kebijakan dan kesejahteraan hidup rakyat. Pada 17 Mac 2021 yang lalu Memanda Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi atau PEMERKASA bernilai 20 bilion ringgit, dengan suntikan fiskal baharu oleh Kerajaan berjumlah 11 billion ringgit. Pelaksanaan PEMERKASA ini tidak lain bertujuan melonjakkan pertumbuhan ekonomi, menyokong perniagaan dan meneruskan bantuan bersasar kepada rakyat dan sektor yang masih terkesan.

5. Menginsafi keperitan hidup rakyat, patik turut mengambil langkah memastikan jentera Kementerian Wilayah Persekutuan serta jabatan dan agensi yang telah dipertanggungkan kepada patik agar sentiasa prihatin dan cakna terhadap kesulitan yang dihadapi oleh rakyat yang sedang berhadapan dengan ancaman kesihatan akibat penularan wabak COVID-19, dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang membawa pelbagai cabaran ekonomi dan kewangan. Patik menyembah maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan telah melancarkan program yang dinamakan sebagai **Inisiatif Wilayah Cakna** yang bertujuan untuk memelihara kebajikan rakyat dalam situasi yang sukar pada masa ini.

6. Secara keseluruhannya, Kementerian telah membelanjakan sekitar 151.3 juta ringgit bagi kesemua Inisiatif Wilayah Cakna ini yang memanfaatkan kira-kira 530,000 warga Wilayah Persekutuan. Ini tidak termasuk segala bantuan yang Kerajaan berikan melalui Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang merupakan bantuan tambahan daripada Kerajaan Tuanku, yang turut dinikmati oleh warga Wilayah Persekutuan. Dalam jangka masa pendek, serta dalam fasa pemulihan COVID-19, inisiatif ini merupakan sebahagian komitmen kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk mempergiatkan lagi usaha memulih dan menjana semula ekonomi di seluruh Wilayah Persekutuan.

Ampun Tuanku,

7. Dalam pada itu, sebagai kesinambungan usaha menzahirkan rasa prihatin serta cakna terhadap rakyat Wilayah Persekutuan, maka Kementerian patik telah menggagaskan konsep “Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin”. Konsep ini akan menjadi teras hala tuju penzahiran penyampaian perkhidmatan Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya supaya sentiasa:

- (i) prihatin serta memberi keutamaan terhadap kebajikan rakyat;
- (ii) prihatin terhadap pembangunan infrastruktur serta pemerkasaan ekonomi; dan
- (iii) prihatin terhadap pembangunan mampan yang memberi fokus kepada pemeliharaan alam sekitar, serta keindahan flora dan fauna Wilayah Persekutuan.

8. Sebagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku sedia maklum, masalah kemiskinan bandar atau *urban poverty* adalah suatu realiti yang perlu kita akui. Menurut dapatan daripada sistem e-Kasih serta data dari Unit LAKSANA, Kementerian Kewangan, seramai 36,454 Ketua Isi Rumah di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan boleh dikategorikan terangkum dalam golongan miskin bandar.

9. Sebagai sebahagian usaha untuk mendukung serta menjayakan konsep “Wilayah Persekutuan, Wilayah Prihatin”, Kementerian patik telah mengambil pelbagai pendekatan yang proaktif dan inklusif dalam menangani isu kos sara hidup, memelihara kelangsungan hidup rakyat, serta membasmi kemiskinan di Wilayah Persekutuan. Antara lainnya ini merangkumi pelaksanaan Inisiatif MY5, iaitu suatu program *social safety net* bagi meringankan dan membasmi kemiskinan bandar. Program yang terlibat meliputi program MYFood@Wilayah, MYGrocer@Wilayah, MYSchoolbus@Wilayah, MYMedic@Wilayah dan MYJob@Wilayah, yang bersifat menyeluruh serta berupaya membantu warga kota dari pelbagai aspek.

Ampun Tuanku,

10. Sekiranya dikupas, masalah kemiskinan bandar berpunca oleh pelbagai faktor, di mana antara isu utama melibatkan isu perumahan mampu milik. Selaras dengan itu, bagi mendepani masalah warga Wilayah Persekutuan berkaitan dengan isu perumahan khususnya, Kementerian patik telah bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam meneruskan usaha penyediaan kediaman mampu milik yang selesa didiami. Antara inisiatif-inisiatif ini termasuklah:

- (i) pembinaan *council homes* atau rumah sewa milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di setiap kawasan Parlimen dalam Kuala Lumpur; dan

(ii) pelaksanaan inisiatif Baiti Jannati atau Rumah Wilayah Prihatin melibatkan pembinaan 6,000 unit rumah mampu milik di Kuala Lumpur, 3,000 unit di Putrajaya, dan 1,000 unit di Labuan.

11. Dalam kesempatan ini, patik dan warga Wilayah Persekutuan sekali lagi mengangkat sembah takzim di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku yang telah bercemar duli berangkat ke Majlis Pengurniaan Rumah Wilayah Prihatin bagi Tahun 2020 pada 10 September 2020 yang lalu, melibatkan pengurniaan kepada seramai 54 orang penerima dari kalangan keluarga miskin tegar. Alhamdulillah, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, keluarga-keluarga ini yang dahulunya merupakan penyewa Projek Perumahan Rakyat atau Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kini mampu memiliki rumah sendiri dengan lebih selesa. Sesungguhnya, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menetapkan bahawa tidak ada rakyat yang terpinggir dari arus pembangunan, kemajuan dan kelestarian Wilayah Persekutuan.

**Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,
Sembah Patik Pohon Diampun.**

12. Bersempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kali ke-14 ini, seramai **335** orang telah mendapat ampun limpah perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku untuk dikurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan. Pengurniaan

ini adalah berdasarkan kepada khidmat bakti dan jasa yang telah dicurahkan selama ini kepada Wilayah Persekutuan. Semoga dengan pengurniaan ini dapat menyuntik semangat dan komitmen yang tinggi kepada penerima untuk terus menabur bakti.

13. Dalam hubungan ini juga Patik bagi pihak semua warga Kementerian, anggota pentadbiran, pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan, persatuan penduduk dan seluruh rakyat jelata di bawah jajahan takluk Tuanku dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku atas pengurniaan ini, serta menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku.

Ampun Tuanku,

14. Akhir kalam, patik bagi pihak hamba rakyat Wilayah Persekutuan dan putera puteri watan ini dengan penuh rasa kasih mesra yang marak lagi menyala, memohon semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala melanjutkan usia dan melimpahkan rahmat-Nya ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, serta seluruh kerabat diraja.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Menjunjung Kasih Tuanku.

Daulat Tuanku.